



Kepada
Ketua Jabatan / Ketua Subjek / Koordinator / Guru-Guru
Bahasa Melayu

RE: Promosi Siri Praktis Cemerlang PSLE Bahasa Melayu

Salam hormat dan sejahtera daripada kami di Erin Publishing House.

Dengan sukacitanya, Erin Publishing House ingin memaklumkan dan memperkenalkan produk-produk yang telah diterbitkan dan diedarkan.

Erin Publishing House merupakan sebuah syarikat penerbitan dan pengedar yang berdaftar di Singapura pada tahun 2009. Erin Publishing House memberikan tumpuan kepada penerbitan dan pengedaran buku-buku latihan Bahasa Melayu. Buat julung-julung kalinya, Erin Publishing House telah menerbitkan dan mengedar Siri Praktis Cemerlang PSLE Bahasa Melayu. Berikut adalah komponen-komponen Siri Praktis Cemerlang PSLE :



Siri Praktis Cemerlang PSLE Bahasa Melayu ini merupakan 5 buah buku bersiri yang diterbitkan khusus untuk calon PSLE. Siri Praktis Cemerlang PSLE Bahasa Melayu ini adalah buku-buku latihan tubi (topikal) yang memuatkan 50 latihan bagi komponen Frasa, Imbuhan, Peribahasa dan Golongan Kata. Manakala bagi komponen Kefahaman yang merangkumi Rangsangan Grafik, Kefahaman Objektif dan Kefahaman Subjektif pula sebanyak 30 latihan.

Siri ini telah dirancang dan ditulis berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu dan disesuaikan dengan Format Terkini Kertas 2 Bahasa Melayu PSLE 2010 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Singapura, MOE. Setiap siri juga mengandungi nota ringkas yang mudah difahami.

Untuk memastikan yang Siri Praktis Cemerlang PSLE Bahasa Melayu ini bermutu, Siri ini telah melalui proses penelitian dan perancangan yang rapi serta ditulis oleh mantan guru-guru yang berpengalaman mengajar Bahasa Melayu di sekolah-sekolah rendah di Singapura. Malahan kami juga mendapatkan khidmat Cikgu Maimunah Kemat, guru pesara Bahasa Melayu yang berpengalaman dalam bidang penulisan buku-buku Latihan Peperiksaan Bahasa Melayu, sebagai penasihat dan editor.

Erin Publishing House juga telah mengambil inisiatif dengan memuatnaikkan Contoh Latihan Siri Praktis Cemerlang PSLE Bahasa Melayu di laman www.erinpublishinghouse.com

Sekiranya cikgu-cikgu berminat untuk menempah dan membeli Siri Praktis Cemerlang PSLE Bahasa Melayu atau inginkan keterangan lanjut serta membuat tempahan, sila hubungi kami di talian 96341064 / 96348304.

Kami akhiri kiriman emel ini dengan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan berharap mendapat sokongan padu daripada Cikgu-cikgu sekalian terhadap produk-produk keluaran syarikat kami. Nantikan juga keluaran buku-buku latihan tubi bersiri bagi peringkat yang seterusnya.

Salam hormat daripada kami selaku
Penerbit Erin Publishing House

Riza Jacob & Rosharyati Md Rosli